

Ku Mohd. Fozi tamatkan cabaran berkayak 'Keranamu Mahathir'

UM 23 OCT 2003

KUALA PERLIS 22 Okt. — Kegigihan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menerajui negara selama 22 tahun memberi kekuatan kepada seorang bekas penggiat seni, Ku Mohd. Fozi Ku Husin, 52, untuk menamatkan cabaran berkayak 'Keranamu Mahathir' secara solo sejauh 800 kilometer dari Tanjung Piai, Johor ke Kuala Perlis.

Ketibaan Ku Mohd. Fozi di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini hari ini disambut oleh anggota Exco Kerajaan Negeri, Loh Yoon Foo yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, Speaker Dewan Undangan Negeri, Azib Nordin, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Johol, Datuk Darus Salim Bulin, kaum keluarganya dan penduduk tempatan.

Ku Mohd. Fozi tiba di jeti tersebut pada pukul 5.40 petang selepas berkayak selama 22 hari dari Tanjung Piai pada 1 Oktober lalu.

Anak kelahiran Arau itu ketika ditemui berkata, ekspedisi tersebut dilakukan

bertujuan mengucapkan rasa terima kasihnya kepada Dr. Mahathir yang akan bersara hujung bulan ini.

Dia memilih 22 hari untuk berkayak sebagai simbolik kepada tempoh pentadbiran Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri.

"Sehari ketika menempuh cabaran di tengah laut Selat Melaka adalah bersamaan dengan cabaran yang dilalui oleh Dr. Mahathir selama setahun," katanya yang kini bekerja sendiri di Johol, Negeri Sembilan.

Menurutnya, idea untuk melakukan ekspedisi secara solo itu tercetus apabila Dr. Mahathir mengumumkan persaraannya selepas Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu.

Jelas beliau, hasrat awalnya ialah untuk melakukan ekspedisi mengelilingi Semenanjung bermula dari Kota Bharu, Kelantan hingga ke Kuala Perlis.

Bagaimanapun, dia dinasihatkan untuk membatalkannya berikutan cuaca buruk di Pantai Timur pada ketika ini.

"Ekspedisi ini sekurang-kurangnya dapat mengubati kesedihan saya apabila kehilangan Dr. Mahathir nanti," jelasnya.

Kejayaannya itu, tambahnya, memberi inspirasi untuk melakukan ekspedisi berkayak dari Kota Bharu ke Johor Bahru pada tahun depan.

Ekspedisi berkayak 'Keranamu Mahathir' itu dianjurkan bersama oleh Dewan Undangan Negeri Kuala Perlis, Dewan Undangan Negeri Johol dan Pergerakan Pemuda UMNO Perlis.